



K.Y Mustapha menyampaikan cenderahati kepada Yang diPertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin di Istana Negeri kelmarin.

UMSLink International Precinct melalui aplikasi 'Beli, Bina dan Pindah'

UB 11 OI-2012 A2

KOTA KINABALU: UMSLink Holding Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membangunkan UMSLink International Precinct bernilai RM200 juta melalui aplikasi 'Beli, Bina dan Pindah'.

Pengerusi Kumpulan Syarikat, Datuk K.Y Mustapha, berkata pihaknya telah menandatangani beberapa perjanjian untuk membina bangunan sendiri di kawasan Alamesra.

"Pada awalnya, pihak kami akan terlibat dengan pembayaran kecil seperti cukai tanah dan kemudian mendapatkan rakan kongsi yang akan membeli tanah berkenaan dan disusuli pembinaan seterusnya kami akan sewa balik," katanya semasa mengadakan kunjungan rasmi kepada Yang diPertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin di Istana Negeri, kelmarin.

Tambahnya, ini merupakan sebuah sistem

perniagaan baik kerana mendapat pulangan daripada sewa, dan selepas tempoh 30 tahun berakhir, bangunan berkenaan akan menjadi milik UMSLink.

Katanya, usaha yang melibatkan pejabat-pejabat korporat, pusat perubatan serta kediaman bagi pelajar asing ini dijangka membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat sekitar.

Kunjungan yang turut disertai ahli-ahli Lembaga Pengarah UMSLink adalah bertujuan untuk menjemput Tun Juhar sebagai tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam Tahunan UMSLink yang bakal diadakan pada 3 Mac ini.

Sementara itu, turut mengadakan kunjungan hormat adalah Pengarah Politeknik Kota Kinabalu yang baru, Tuan Haji Wan Mohamad Nasir Wan Abdul Rahman dan Lord Prior of the Order of St John, Profesor Sir Anthony Royer Mellows.